



14 MAR, 2024

Barang tidak ikrar bernilai RM6j dirampas

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

Barang tidak ikrar bernilai RM6j dirampas

KLANG: Rokok, minuman keras, sisa buangan elektronik dan bateri terpakai bernilai RM6 juta dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam serbuan di pelbagai lokasi sekitar Lembah Klang dari 22 hingga 29 Februari lalu.

Barangan tersebut dilaporkan tidak diikrar ketika dibawa masuk ke negara ini dan rampasan yang terbesar adalah rokok melibatkan 9.2 juta batang pelbagai jenama.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Pematuhan), Datuk Sazali Mohamad berkata, kesemua ram-

pasan rokok melibatkan nilai cukai sebanyak RM3.95 juta sementara nilai dagangannya lebih RM500,000.

Tambahnya, JKDM turut menemukan rokok serta minuman keras dan sisa barangan elektronik dalam dua kontena di pelabuhan berkenaan yang diikrar sebagai Alooi Tembaga.

“Pemeriksaan yang dibuat Bahagian Penguatkuasaan JKDM Zon Tengah Unit II (Selangor) menggunakan mesin pengimbas kontena mendapati imej yang dikesan oleh mesin berkenaan meragukan dan tidak konsisten dengan deskripsi ba-

rang yang diikrar.

“Bagi kes ini, nilai dagangan adalah RM186,000 dan jumlah duti dan cukai berjumlah RM1.34 juta,” jelasnya.

Jelasnya lagi, selain rokok, kuantiti barang lain iaitu 225 liter minuman keras, 4,000 kilogram (kg) sisa buangan elektronik (e-waste) dan 111,500 kg bateri terpakai yang dirampas ketika pemeriksaan kontena di pelabuhan sama.

Sazali memaklumkan, rampasan bateri terpakai pula dibuat ketika pemeriksaan ke atas empat buah kontena di Pelabuhan Barat, 28 Februari lalu.



14 MAR, 2024

Barang tidak ikrar bernilai RM6j dirampas

Utusan Malaysia, Malaysia



SUMMARIES

KLANG: Rokok, minuman keras, sisa buangan elektronik dan bateri terpakai bemilai RM6 juta dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam serbuan di pelbagai lokasi sekitar Lembah Klang dari 22 hingga 29 Februari lalu. Barangan tersebut dilapor tidak diikrar ketika dibawa masuk ke negara ini dan rampasan yang terbesar adalah rokok me libatkan 9.2 juta batang pelbagai jenama.Timbangan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Pematuhan), Datuk Sazali Mohamad berkata, kesemua rampasanrokok melibatkan nilai cukai sebanyak RM3.